



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>NAMA KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA: UNDANG-UNDANG DAN AMALAN</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DSM3193</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>DISEMBER 2022</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>3 JAM</b>

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:  
BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 19 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Yang manakah antara berikut merupakan faedah yang boleh diperolehi oleh majikan kesan daripada hubungan industri yang harmoni antara majikan dan pekerja?

- A Pekerja mempunyai semangat untuk bekerja.
- B Membawa perubahan positif kepada kemajuan organisasi.
- C Budaya kerja yang menguntungkan pihak majikan dan pihak pekerja.
- D Memberi peluang kepada majikan dan pekerja untuk bebas berkesatuan.

2.

<b>Tahun</b>	1947
<b>Peristiwa</b>	Enakmen Kesatuan 1940 dikuatkuasakan ke seluruh Tanah Melayu

**Jadual 1**

Apakah motif penguatkuasaan Enakmen Kesatuan Sekerja 1940?

- A Menyekat keanggotaan kesatuan sekerja.
- B Mengelakkan wujudnya kesatuan sekerja haram.
- C Menghalang berlakunya mogok yang bermotifkan politik.
- D Memberi khidmat nasihat berkenaan penubuhan kesatuan sekerja.

3. Pada pengetahuan anda, apakah perkara yang mungkin menyebabkan sesuatu perhubungan perusahaan tidak boleh wujud tanpa kesatuan sekerja?

- A Kesatuan sekerja digunakan untuk menyelesaikan masalah.
- B Organisasi membantu pekerja mencapai matlamat yang mereka ingini.
- C Majikan mempunyai hak yang sama untuk melindungi apa-apa yang mereka rasakan sebagai penting untuk dilindungi.
- D Majikan berhubung dengan pekerja dalam soal penetapan objektif, sistem kerja, pembahagian keuntungan dan pemberian pampasan.

4. Manakah antara berikut merupakan kepentingan penawaran bersama dalam peraturan kerja?
- A Melindungi pekerja daripada dieksploitasi oleh pihak majikan.
  - B Penawaran bersama akan menyebabkan wujudnya kesatuan sekerja.
  - C Mempertahankan hak majikan daripada disalahgunakan oleh pekerja.
  - D Memastikan pihak pekerja dan majikan melaksanakan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab.

5.

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyatakan kadar pengangguran negara ini telah menurun kepada 3.9 peratus pada Mei 2022. Menteriinya, Datuk Seri M Saravanan bagaimanapun berkata, kadar pengangguran itu masih belum kembali ke tahap sebelum pandemik iaitu 3.2 peratus.

Disebabkan itu katanya, KSM telah mempergiatkan usaha dengan mengadakan beberapa program bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh serta mengurangkan kadar pengangguran.

*Sumber: sinar harian, 4 Ogos 2022*

**Petikan 1**

Berdasarkan petikan, apakah program yang boleh dilaksanakan oleh bagi Kementerian Sumber Manusia bagi membantu rakyat dalam mengurangkan kadar pengangguran negara seperti paras pra-pandemik?

- i. Pembayaran insentif di bawah Program SIP Gig.
- ii. Program Insentif Pengambilan Pekerja Penjana Kerja 3.0.
- iii. Pelaksanaan Program Jaminan Kerja-Insentif Penggajian.
- iv. Meluaskan program Sistem Insurans Pekerjaan-Elaun Mencari Pekerjaan Plus.

- A i dan ii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D iii dan iv

6. Mengapakah Indeks Keharmonian Perusahaan (IHI) penting dalam perhubungan perusahaan negara?
- A Mengekalkan keamanan di tempat kerja.
  - B Menjaga keakraban antara pekerja dan majikan.
  - C Menarik pelabur asing dan pengukuhan ekonomi negara.
  - D Merupakan instrumen yang digunakan untuk mengukur tahap keharmonian perusahaan ke arah yang lebih baik.

7.

Trend peningkatan kehilangan pekerjaan amat signifikan dengan kadar peningkatan laporan kes aduan yang diterima di bawah Seksyen 20 (Pembuangan Kerja) oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Sabah. Sebagai contoh pada tahun 2018 kes yang diterima ialah 143 kes, 2019 sebanyak 126 kes dan pada tahun 2020 jumlah penerimaan kes meningkat kepada 200 kes.

*Sumber: mohr.gov.my*

#### Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1, apakah yang perlu dilakukan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Sabah untuk menangani kes pembuangan kerja yang tidak mengikut prosedur ini?

- i. Pengantara dalam aktiviti dialog.
- ii. Melakukan lawatan harmoni secara kerap.
- iii. Penganjuran seminar bersama majikan dan kesatuan sekerja
- iv. Memberikan khidmat runding damai dengan adil dan saksama.

- A i dan ii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D iii dan iv

8. Yang manakah antara berikut merupakan kesatuan sekerja majikan?
- A National Union of Journalists Malaysia (NUJM).
  - B Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Bank (NUBE).
  - C Malayan Agricultural Producers Association (MAPA).
  - D Kesatuan Profesional Perguruan Kebangsaan (KPPK).

9.

MARANG: Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) memaklumkan jumlah pekerja yang mewakili kesatuan sekerja berdaftar di negara ini masih di tahap yang rendah. Seramai 960,00 orang pekerja telah mendaftar dengan kesatuan sekerja dan jumlah itu mewakili 9.6 peratus daripada keseluruhan 10 juta pekerja yang layak di negara ini.

Sehingga kini, terdapat 767 kesatuan sekerja swasta dan kerajaan yang berdaftar di seluruh negara.

*Sumber: hmetro.com.my, 24 September 2022.*

#### Petikan 2

Berdasarkan petikan 2, apakah yang perlu dilakukan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi menarik lebih ramai pekerja menyertai kesatuan sekerja yang berdaftar?

- A Kesatuan sekerja membantu menetapkan undang-undang yang maksimum.
- B Menggalakkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam kalangan pelbagai agensi Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).
- C Mempromosikan kepada pekerja tentang perjuangan kesatuan sekerja dalam mendapatkan manfaat tambahan yang tidak dinyatakan di dalam Akta Kerja 1955.
- D Mengadakan kempen menggalakkan pekerja menyertai kesatuan kerana ia bertindak sebagai perunding antara pekerja dan majikan terutama yang membabitkan kebajikan dan faedah.

10.

Encik Fikri tidak senang duduk apabila mendengar berita tentang sebahagian pekerja di syarikatnya merancang menubuhkan kesatuan sekerja. Encik Fikri sedar, sebab utama pekerja menyertai kesatuan sekerja kerana tidak berpuas hati dengan suasana tempat kerja yang tidak selesa. Sebelum keadaan menjadi parah, Encik Fikri perlu melaksanakan langkah-langkah awal bagi mengelakkan pekerja menyertai kesatuan sekerja

**Pernyataan 2**

Berdasarkan pernyataan 2, apakah yang mungkin boleh dilakukan oleh Encik Fikri?

- A Membina pejabat yang baharu.
- B Belanja pekerja makan tengah hari setiap hujung bulan.
- C Meletakkan penyaman udara di setiap ruang pejabat dan membaiki bumbung yang bocor.
- D Menguatkuasakan peraturan syarikat tentang penentangan terhadap penubuhan kesatuan sekerja.

11.

Majikan telah memecat Encik Afiey daripada pekerjaannya sekarang sebagai Ketua Operasi pada bulan lepas. Apabila siasatan dibuat, didapati bahawa pemecatan tersebut adalah atas alasan Encik Afiey terlibat dalam penubuhan Kesatuan Sekerja Pekerja, bukan disebabkan kesalahan salah laku.

**Pernyataan 3**

Apakah seksyen yang berkaitan dengan pernyataan 3 di atas?

- A Seksyen 5 (1) (b), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
- B Seksyen 5 (1) (d), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
- C Seksyen 7 (a), Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
- D Seksyen 7 (b), Akta Perhubungan Perusahaan 1967

12.

Kesatuan Sekerja Makanan, Minuman dan Sekutu (FDAWU) semalam mengumumkan bahawa syarikat pastri Twelve Cupcakes telah menyertai kesatuan itu setelah pemilik syarikat itu dilanda kontroversi kerana tidak menjaga kebajikan pekerja.

Langkah itu diambil setelah majoriti pekerja Twelve Cupcakes mengundi bagi menyokong tindakan tersebut dalam satu undian rahsia yang dikendalikan oleh Kementerian Tenaga Manusia Singapura (MOM).

#### Pernyataan 4

Berdasarkan pernyataan 4, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pihak syarikat Twelve Cupcakes bagi membendung pekerja menyertai Kesatuan Sekerja Makanan, Minuman dan Sekutu (FDAWU)?

- i. Memastikan wujudnya sistem pengurusan prestasi yang efektif.
- ii. Menghantar pekerja menyertai program-program pembangunan diri.
- iii. Menyediakan kotak cadangan sebagai salah satu saluran komunikasi antara pekerja dan majikan.
- iv. Meningkatkan faedah pekerja dengan memendekkan masa bekerja lebih masa.

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv
- D iii dan iv

13. Apakah maklumat-maklumat yang perlu ada dalam agenda mesyuarat penubuhan dan pendaftaran kesatuan sekerja?

- i. Melantik 'Pengerusi Sementara' dan 'Pencatat minit' dalam mesyuarat penubuhan.
- ii. Menetapkan tarikh pendaftaran kesatuan sekerja.
- iii. Menetapkan skop keahlian kesatuan sekerja.
- iv. Membincangkan premis kesatuan sekerja.

- A i dan ii  
B i dan iii  
C ii dan iv  
D iii dan iv

14. Halim merupakan Presiden Kesatuan Sekerja Alam Bina. Beliau perlu memastikan bahawa Kesatuan Sekerja Alam Bina mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Akta Kesatuan Sekerja 1959. Hal ini bagi mengelakkan proses pendaftaran kesatuan sekerjanya tidak ditolak oleh Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia. Salah satu daripada perkara yang perlu dititikberatkan oleh Halim ialah dengan memastikan

- A penubuhan kesatuan bukan bertujuan untuk mengadakan mogok.  
B nama kesatuan belum digunakan oleh mana-mana kesatuan yang lain.  
C keanggotaan ahli kesatuan terdiri daripada pekerja yang berumur 21 tahun ke atas.  
D wang kesatuan sekerja digunakan mengikut tujuan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat kesatuan.



15.

**BORANG B**  
[Seksyen 10(1) dan Peraturan 4]  
AKTA KESATUAN SEKERJA, 1959

**PERMOHONAN PENDAFTARAN KESATUAN SEKERJA**

Kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja, Kuala Lumpur.

Nama Kesatuan Sekerja .....

Alamat ibu pejabat .....

1. Permohonan ini dibuat oleh orang-orang yang namanya ditulis di bawah ini.

2. Kesatuan ..... ini telah ditubuhkan pada .....haribulan.....19.....

3. Kesatuan itu ialah suatu Kesatuan majikan / pekerja yang bertugas dalam perusahaan / profesyen.....atau (perjawatan)..... dan mempunyai..... orang ahli.

4. Kenyataan butir-butir yang dikehendaki oleh seksyen 10(2) Akta itu adalah diberi dalam Jadual 1 yang dilampirkan kepada permohonan ini.

5. Suatu salinan kaidah-kaidah yang bercetak bagi Kesatuan ini adalah dilampirkan kepada permohonan ini.

6. Butir-butir yang diberi dalam Jadual 1 adalah menunjukkan peruntukan yang dibuat dalam kaidah-kaidah bagi perkara-perkara yang tersebut dalam seksyen 38(1) Akta itu.

7. Kami telah diberi kuasa dengan sempurnanya oleh kesatuan sekerja ini untuk membuat permohonan ini bagi pihaknya, pemberi kuasa tersebut ialah melalui\*.....

Bertarikh pada.....haribulan.....19.....

Gambar 1


Berdasarkan gambar 1, mengapakah butiran lima penting dalam permohonan pendaftaran kesatuan sekerja?

- A Untuk menggalakkan kepentingan profesional, intelektual dan sosial anggota-anggotanya.
- B Mengorganisasikan pekerja-pekerja majikan dan memajukan kepentingan mereka dalam perhubungan kemasyarakatan.
- C Mengatur perhubungan di antara pekerja dengan majikan bagi maksud melaksanakan perhubungan perusahaan yang baik.
- D Memajukan kebajikan pekerja dan majikan dari segi sosial, ekonomi dan pendidikan dengan cara yang sah di sisi undang-undang.

16. Pilih padanan yang betul.

	Tahap umur	Perkara yang boleh dilakukan oleh pekerja
A	Kurang 16 tahun	Boleh memasuki mana-mana kesatuan mengikut jenis pertubuhan.
B	Capai umur 21 tahun	Layak dipilih sebagai anggota eksekutif kesatuan.
C	Umur 18 tahun	Melaksanakan pertikaian perusahaan.
D	Genap 21 tahun	Berhak mengundi dalam proses yang tidak melibatkan keputusan kesatuan.

17. Rajah di bawah menunjukkan proses dalam mengemukakan pengiktirafan kesatuan.



Rajah 1

Berdasarkan rajah 1, apakah yang diwakili oleh X?

- A Mohon Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (KPKS) menentukan kelayakan kesatuan.
- B Arahan Y.B Menteri untuk menghantar laporan pengiktirafan.
- C Menentukan peratus ahli untuk menyertai undi sulit.
- D Majikan memberi pengiktirafan secara sukarela.

18. Apakah yang dimaksudkan dengan 'perundingan bersama'?
- A Satu proses di mana kesatuan merekrut anggota baharu.
  - B Satu proses di mana kesatuan berunding dengan pembekal untuk penyediaan bangunan dan perabot.
  - C Satu proses di mana kesatuan bertemu dengan kesatuan lain untuk membincangkan pengambilan ahli kesatuan.
  - D Satu proses di mana sebuah kesatuan berunding dengan majikan bagi pihak anggotanya yang bersangkutan berkenaan terma dan syarat pekerjaan.
19. Encik Naim merupakan Penerbit Rancangan di sebuah syarikat penyiaran dan komunikasi di Kuala Lumpur. Dia telah dipecat oleh majikannya tiga bulan lepas. Bekas majikan Encik Naim telah menghubunginya untuk meminta beliau bekerja semula di syarikatnya. Apakah jenis hak keistimewaan yang telah digunakan oleh majikan Encik Naim?
- A Pemulihan kerja.
  - B Prerogatif pengurusan.
  - C Pengambilan semula pekerja.
  - D Pemecatan dan pelantikan pekerja.
20. Bagaimanakah cara pihak majikan perlu memastikan rundingan bersama boleh mencapai persetujuan antara pihak majikan dan kesatuan sekerja tanpa berlakunya sebagai pertikaian perusahaan?
- i. Menyediakan senarai permintaan keperluan yang diperlukan oleh pekerja.
  - ii. Rundingan bersama perlu dimulakan dahulu oleh pihak kesatuan.
  - iii. Mengenal pasti tuntutan yang mungkin dikemukakan oleh kesatuan sekerja.
  - iv. Penetapan isu tawar-menawar yang akan dibincangkan oleh pihak kesatuan.
- A i dan ii
  - B i dan iv
  - C ii dan iii
  - D iii dan iv

21. Dalam keadaan yang bagaimanakah, pihak Mahkamah Perusahaan berhak memutuskan bahawa sesuatu rundingan kolektif akan gagal dilaksanakan?

- i. Berlaku ancaman antara ke dua-dua pihak
- ii. Pekerja berpuas hati dengan syarat pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan.
- iii. Sebahagian besar ahli kesatuan sekerja telah berhenti daripada terus menjadi ahli kesatuan sekerja.
- iv. Kenaikan pangkat oleh majikan terhadap mana-mana pekerja daripada mana-mana kategori yang dirasakan sesuai.

- A i dan ii  
B i dan iv  
C ii dan iii  
D iii dan iv

22. Gambar di bawah adalah contoh ahli perunding yang telah terlibat dalam rundingan bersama antara FELDA Bulkiers Sdn. Bhd dengan Kesatuan Pekerja-pekerja FELDA Bulkiers Sdn. Bhd. (Sabah).



Gambar 2

Berdasarkan gambar 2, apakah ciri-ciri yang perlu ada untuk menjadi seorang perunding yang berkualiti?

- A Bijak memberi cadangan alternatif.
- B Mempunyai kemahiran berkomunikasi yang baik.
- C Sentiasa mendahului kepentingan pihak yang diwakili.
- D Mengemukakan soalan dengan berbudi bahasa dan bersopan santun.

23. Siapakah yang terlibat dalam Lembaga Siasatan sekiranya berlaku sesuatu pertikaian perusahaan?

- A Majikan.
- B Menteri Sumber Manusia.
- C Kesatuan sekerja majikan.
- D Sesiapa sahaja yang dilantik oleh menteri.

24. Kesatuan Sekerja La Cremeria mempunyai ahli seramai 498 orang. Untuk mendapatkan persetujuan bagi mengadakan mogok, berapakah jumlah ahli yang diperlukan?

- A 166 orang.
- B 249 orang.
- C 332 orang.
- D 498 orang.

25. Manakah antara berikut merupakan kes yang boleh dirujuk kepada Mahkamah Perindustrian?

- i. Pekerja telah diancam oleh pihak majikan untuk diberhentikan kerja sekiranya menyertai kesatuan sekerja.
- ii. Perbezaan pandangan antara kesatuan sekerja dan pihak majikan dalam mentafsir perjanjian kolektif.
- iii. Pekerja telah dijatuhkan hukuman penjara oleh pihak mahkamah atas sebab kes rahsua.
- iv. Majikan membuat tuntutan balas selepas tuntutan majikan tidak menyebelahi pihaknya.

- A i dan ii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D iii dan iv

26. Juwita telah dibuang kerja oleh majikan beliau. Beliau berasa tidak puas hati dengan pembuangan kerja berkenaan. Juwita ingin mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan beliau. Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh Juwita untuk menyelesaikan kes beliau?

- P – Kes dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.
- Q – Proses rundingan damai.
- R – Prosiding di Mahkamah Perusahaan.
- S – Aduan ke Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP)
- T – Hujahan bertulis dan award
- U – Perbicaraan kes

- A P Q S R U T
- B Q P R T S U
- C S Q P R U T
- D R Q S T P U

27. Sekiranya anda berada dalam berpiket, bagaimanakah anda menentukan sama ada tindakan anda mematuhi syarat sah berpiket?

- A Piket diadakan secara aman dan dalam organisasi.
- B Kilan yang wujud mesti telah didaftarkan dengan Mahkamah Perusahaan.
- C Pekerja berpiket mestilah telah mengisytiharkan bahawa terdapat kilan dengan majikan.
- D Pekerja-pekerja yang berpiket mestilah bertujuan untuk mendorong pekerja untuk berhenti kerja.

28. Syarikat ALB Sdn. Bhd dalam fasa pra-pengenehan. Manakah antara berikut merupakan persediaan yang perlu dilakukan oleh Jabatan sumber Manusia ALB Sdn. Bhd sebelum melaksanakan pengenehan?

- i. Menyediakan pakej pampasan.
- ii. Mengisi Borang Pemberhentian (Borang PK).
- iii. Memastikan kaedah pemilihan pekerja yang diberhentikan adalah betul.
- iv. Memberikan khidmat sokongan perubahan perkerjaan (Business transition support).

- A i dan ii  
B i dan iv  
C ii dan iii  
D iii dan iv

29. Melur telah menerima notis penamatan perkhidmatannya daripada pihak majikan. Tempoh notis penamatan Melur adalah selama satu bulan bermula 20 Oktober 2022 sehingga 18 November 2022. Melur berpendapat bahawa dia telah ditamatkan perkhidmatannya tanpa alasan yang munasabah. Sekiranya Melur ingin membuat representasi secara bertulis kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan (KPPP), bilakah hari terakhir beliau boleh mengemukakan representasi berkenaan?

- A 18 November 2022  
B 28 November 2022  
C 18 Disember 2022  
D 31 Disember 2022



30. Syarikat Pandan Wangi mempunyai agenda untuk mengurangkan pekerja di bahagian operasi. Berikut merupakan maklumat beberapa orang pekerja yang tersenarai untuk diberhentikan.

- |      |              |  |
|------|--------------|--|
| i.   | Cik Janet    | <ul style="list-style-type: none"><li>• Bekerja sebagai penyambut tetamu.</li><li>• Telah bekerja selama 10 tahun</li></ul>                                |
| ii.  | Encik Ramesh | <ul style="list-style-type: none"><li>• Jawatan beliau ialah <i>quality control operator</i></li><li>• Berpengalaman selama 15 tahun</li></ul>             |
| iii. | Encik Jyoung | <ul style="list-style-type: none"><li>• Bukan warganegara</li><li>• Telah bekerja selama 15 tahun</li><li>• Bekerja sebagai operator pengeluaran</li></ul> |
| iv.  | Cik Tipah    | <ul style="list-style-type: none"><li>• Bekerja sebagai penyelia operasi</li><li>• Telah bekerja selama 4 tahun.</li></ul>                                 |

Sekiranya majikan menggunakan prinsip *last in first out*, siapakah yang akan diberhentikan kerja terlebih dahulu?

- A i dan iii
- B i dan iv
- C ii dan iii
- D iii dan iv

[60 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada buku jawapan.

**SOALAN 1**

a. Jelaskan cuti yang dibenarkan atas urusan kesatuan sekerja.

(7 markah)

b. Syakira Le merupakan ibu tunggal. Beliau telah bekerja di Orked Sdn. Bhd. selama 20 tahun sebagai Penolong Pegawai. Salah satu deskripsi tugas beliau adalah memantau perkembangan projek di tapak pembinaan. Majikan beliau tidak menyediakan kelengkapan keselamatan yang sepatutnya ketika beliau membuat pemantauan di tapak pembinaan menyebabkan beliau berasa tidak selamat ketika bertugas di tapak pembinaan. Syakira Le berasa sangat kecewa kerana dalam tempoh 20 tahun perkhidmatannya, gaji beliau masih lagi kecil dan tidak pernah menerima kenaikan pangkat. Syakira Le berpendapat, sekiranya beliau menyertai kesatuan sekerja, pihak kesatuan sekerja boleh membantu menyelesaikan masalah beliau. Berdasarkan situasi Syakira Le, apakah alasan yang sesuai yang boleh digunakan oleh beliau untuk menyertai kesatuan sekerja?

(13 markah)

## SOALAN 2

a. Alexa merupakan kerani di Syarikat Songket Tenun Sdn. Bhd. Dia telah dipecat serta merta tanpa alasan yang munasabah. Bagaimanakah kesatuan sekerja boleh mewakili Alexa dalam membantu beliau menyelesaikan kesnya?

(8 markah)

b. Seksyen 15, Akta Kesatuan Sekerja 1959 memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah membatalkan sijil pendaftaran kesatuan sekerja atas sebab-sebab tertentu. Pada pandangan anda, mengapakah kesatuan sekerja perlu berusaha untuk mengelakkan sijil pendaftaran kesatuan sekerja daripada dibatalkan?

(12 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

